

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Saturday, March 23, 2019 1:34 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Tutor UUM Terima President's Award, Anugerah Tertinggi SIT, Jepun



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

23 MAC 2019 / 16 REJAB 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Dr. Mohamad Sabri Sinal dan Seksyen Media UKK

TUTOR UUM TERIMA *PRESIDENT'S AWARD*, ANUGERAH TERTINGGI SIT, JEPUN



UUM ONLINE: Dr. Mohamad Sabri Sinal, Tutor dari Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC) telah dianugerahi dua anugerah utama pada Majlis Graduasi Shibaura Institute of Technology, Jepun, baru-baru ini.

Beliau yang baru menamatkan pengajian peringkat Ijazah Kedoktoran (PhD) itu menerima *President's Award* dan *Functional Control System Award*.

Dr. Mohamad Sabri berkata, usaha beliau untuk menamatkan pengajian dalam tempoh tiga tahun dengan menyiapkan tiga jurnal dan tiga kertas persidangan itu akhirnya membuahkan hasil membanggakan.

Menurutnya, *President's Award* merupakan anugerah pelajar terbaik keseluruhan iaitu satu pengiktirafan tertinggi universiti kepadanya yang mana beberapa sesi saringan ketat telah dijalankan oleh pihak universiti untuk memilih calon-calon akhir anugerah itu.

“Saya amat berbesar hati menerima dua anugerah utama ini sebagai simbolik kepada kejayaan anak muda Malaysia yang mampu berdaya saing di luar negara, seterusnya menaikkan nama Malaysia ke peringkat tertinggi.

“Tiada yang mudah dalam hidup dan saya bermula dari bawah untuk mencapai ke tahap ini. Semoga ia menjadi aspirasi baru kepada yang lain untuk meroboh kebiasaan masyarakat kita dengan melihat sesuatu dan terus berkerja kuat,” katanya.

President's Award diberikan diatas kapasiti kecemerlangan pelajar dalam pencapaian akademik secara keseluruhan, aktif dalam aktiviti kemasyarakatan setempat serta sumbangan besar kepada Shibaura Institute of Technology dari aspek globalisasi dan pembangunan modal insan.

Manakala, anugerah *Functional Control System* pula diberikan oleh pihak universiti dan *Department of Functional Control System* kepada pelajar PhD terbaik keseluruhan mengikut merit pencapaian akademik, penerbitan penyelidikan dan tesis terbaik.

Mengimbau kembali perjalanan beliau untuk menamatkan pengajian peringkat PhD itu, Dr. Mohamad Sabri berkata, ia bermula selepas beliau tamat pengajian di peringkat Sarjana di universiti sama dengan cemerlangnya.

Menurutnya, beliau bertuah kerana pihak universiti telah berbesar hati untuk memberi penajaan penuh bagi melanjutkan pengajian di peringkat PhD dalam tempoh tiga tahun tanpa sebarang ikatan melalui Biasiswa Khas Universiti.

Katanya, sepanjang tempoh tersebut, beliau diberikan peluang untuk mengajar, membantu menyelia dan menjalankan penyelidikan secara berterusan dengan sokongan Profesor Jepun dan pentadbiran universiti.

“Dalam tempoh itu juga, saya telah berjaya menerbitkan tiga jurnal dan tiga kertas *proceeding conference* mengikut bidang pengajian yang menfokuskan kepada kombinasi antara kepintaran buatan, statistik dan pengaturcaraan algorithm dengan menghasilkan mekanisma komputer berprestasi tinggi untuk mengesan tanda-tanda awal angin ahmar dan ketidaktentuan aktiviti jantung secara berterusan melalui data ECG yang direkod untuk tempoh sehingga 12 jam,” katanya.

Tambah beliau lagi, menerusi kajian itu, data ECG yang berdurasi 12 jam digunakan bersama mekanisma yang dicipta dapat mengesan tanda-tanda awal sakit jantung kurang dari seminit.

Katanya, keberkesanan mekanisma tersebut mencapai ketepatan pada tahap 95 sehingga 100 peratus terbukti apabila penyelidikan menggunakan data pesakit sebenar sebagai mekanisma menilai.

“Di samping menjalankan tugas-tugas utama sebagai pelajar PhD, saya juga memulakan banyak inisiatif sendiri membantu menjayakan jalinan kerjasama di antara universiti awam di

Malaysia seperti Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Putra Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis melalui program kerjasama antara universiti Malaysia dan Shibaura Institute of Technology.

“Walaupun jadual begitu padat dengan pengajian PhD, saya berjaya mengimbangnya untuk memastikan segala yang dirancang berjalan dengan baik kerana saya percaya, sebagai seorang pelajar PhD Malaysia yang dihantar ke luar negara, saya anggap ia adalah tepat sekiranya saya mengambil tanggungjawab secara tidak langsung untuk menjadi duta kepada Malaysia di pelbagai peringkat dengan memulakan usaha dan mencari peluang baru mempromosikan kekuatan Malaysia dan mencipta peluang-peluang baru untuk rakyat Malaysia lain,” katanya lagi.

Dr. Mohamad Sabri berkata, beliau bersyukur kerana mendapat sokongan dan bantuan secara tidak putus selama lima tahun oleh UUM dan kerajaan Malaysia bermula di peringkat pengajian Sarjana sehingga PhD.

Beliau juga terharu apabila Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani turut hadir pada majlis bersejarah beliau itu sebagai tanda sokongan di atas pencapaian yang cemerlang itu.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.